



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**DASAR KESELAMATAN PERLINDUNGAN**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) beriltizam untuk mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif melalui pelaksanaan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017), KKM komited untuk menjayakan dasar tersebut dengan:

1. memastikan pelantikan Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ), Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) dan menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan (JKP) yang bertanggungjawab terhadap pematuhan Arahan Keselamatan Kerajaan;
2. memastikan aspek keselamatan fizikal dipatuhi berasaskan kepada prinsip "Defence-in-Depth" yang bertujuan bagi mencegah, mengesan, melengahkan dan mengambil tindakan supaya persekitaran tempat kerja yang selamat diwujudkan;
3. memastikan kawalan dan perlindungan ke atas keselamatan dokumen, maklumat serta bahan rahsia rasmi tidak dikompromi dan mencegah akses tanpa kebenaran serta membantu penyiasatan terhadap sebarang ketirisan maklumat rahsia rasmi;
4. memastikan kawalan keselamatan rahsia rasmi dalam persekitaran ICT diwujudkan, dilaksanakan, dikawal, nilai dan dibuat penambahbaikan secara berterusan bagi menjamin objektif Dasar Keselamatan ICT KKM dan sistem penyampaian perkhidmatan tercapai;
5. memastikan langkah-langkah keselamatan peribadi dipatuhi sepenuhnya supaya warga KKM, komuniti keselamatan dan mana-mana pihak lain yang berurusan dengan perkhidmatan awam sentiasa mempunyai kesedaran untuk melindungi rahsia rasmi dan perkara rasmi mengikut undang-undang, dasar dan peraturan Kerajaan yang ditetapkan; dan
6. memastikan pengurusan kesinambungan perkhidmatan keselamatan perlindungan yang holistik bagi mengekalkan ketersediaan perkhidmatan apabila berlaku sebarang gangguan (*disruption*) dan fungsi normal segera dibaik pulih dalam tempoh masa yang ditetapkan.

**(DATO' SRI NORAZMAN BIN AYOB)**  
**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KEWANGAN)**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Tarikh: 8/8/23